

Klasifikasi Varian Dialek Hulu Perak Utara: Pendekatan Rumus Fonologi Generatif

(Classification Of Northern Hulu Perak Dialect Variants: A Generative Phonological Rule Approach)

Nur Habibah Che Rosdi^{1*} 

¹Bahagian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia.

Email: nurhabibahcr@usm.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):

Nur Habibah Che Rosdi
(nurhabibahcr@usm.my)

KATA KUNCI:

Hulu Perak Utara
Klasifikasi
Rumus fonologi
Perubahan bunyi
Teori generatif

KEYWORDS:

Northern Hulu Perak
Dialectal classification
Generative phonology
Phonological processes
Sound shifts

CITATION:

Nur Habibah Che Rosdi. (2025). Klasifikasi Varian Dialek Hulu Perak Utara: Pendekatan Rumus Fonologi Generatif. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 10(6), e003449.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i6.3449>

ABSTRAK

Kajian ini menonjolkan kepelbagaian varian dialek Hulu Perak Utara (dialek Reman) yang wujud di Hulu Perak Utara (HPU). Kawasan HPU merupakan kawasan yang paling hampir dengan Selatan Thai (Betong, Thailand) yang menuturkan dialek Melayu Patani. Pelbagai kajian variasi dialek Melayu Perak telah diberikan perhatian. Namun, kajian di sempadan Thailand kurang diberikan tumpuan, terutamanya di Pengkalan Hulu. Kajian ini akan memaparkan klasifikasi varian di HPU berdasarkan perbandingan proses fonologi secara kualitatif. Analisis perbandingan ini meliputi persamaan dan perbezaan fonologi dalam varian HPU menggunakan rumus fonologi generatif linear. Kajian ini merupakan sebuah kajian lapangan di Hulu Perak iaitu Gerik dan Pengkalan Hulu yang melibatkan sembilan buah kampung di pedalaman HPU. Data kajian didasari oleh 508 daftar kata dalam enam bidang semantik. Hasil kajian mendapati, terdapat beberapa persamaan dan perbezaan yang berlaku dalam data sembilan varian HPU. Antara persamaannya, vokal tinggi /i/ dan /u/ mengalami peninggian di akhir kata, perubahan bunyi obstruen /b,d, k, g/ di akhir kata menjadi hentian glotis /ʔ/, pengguguran konsonan likiuda /l/ dan /r/ di akhir kata, perubahan bunyi frikatif /s/ kepada /h/ di akhir kata, dan geminasi. Manakala perbezaan yang wujud pada varian HPU, konsonan nasal di akhir kata, perubahan konsonan frikatif, perubahan konsonan geseran /ɣ/ di tengah kata, perubahan /p/ dan /t/ pada akhir kata, dan diftongisasi lanjutan. Hasil perbandingan mendapati, sembilan varian HPU diklasifikasi kepada empat kelompok varian. Tuntasnya kajian ini menonjolkan perbezaan varian yang dituturkan di HPU. Diharapkan kajian ini dapat memberi sumbangan kepada bidang linguistik sejarah, untuk melakukan rekonstruksi dialek Melayu Patani di Malaysia.

ABSTRACT

This study examines the phonological variation among dialectal variants of Hulu Perak Utara (HPU), specifically the Reman dialect spoken in the northern Perak border region adjacent to Betong, Southern Thailand, where Patani Malay is prevalent. Although considerable research has been conducted on Perak Malay dialects, the border areas—particularly Pengkalan Hulu—remain underexplored. This study aims to classify the dialectal variants in HPU through a qualitative analysis of phonological processes, guided by the framework of linear generative phonology. Fieldwork was conducted in nine villages within Gerik and Pengkalan Hulu, and data were derived from a lexical list of 508 items across six semantic domains. The findings reveal both similarities and differences across the variants. Key phonological similarities include the raising of high vowels /i/ and /u/ in final positions, replacement of final obstruents /b, d, k, g/ with glottal stops /ʔ/, deletion of final liquid consonants /l/ and /r/, fricative shift from /s/ to /h/, and instances of gemination. Notable differences include variation in final nasal consonants, changes to fricatives and the voiced velar fricative /ɣ/ medially, shifts in final plosives /p/ and /t/, and extended diphthongisation. Based on these comparisons, the nine HPU variants are grouped into four distinct phonological clusters. The study provides a phonological classification that contributes to understanding the linguistic diversity in northern Perak and offers foundational data for the historical reconstruction of Patani Malay dialects in Malaysia.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada dalam bidang fonologi dan dialek. Sumbangan kajian ini salah satunya dapat menelusuri ciri-ciri fonologi dialek Patani di daerah Hulu Perak Utara, yang mana ciri ini dapat dikaitkan dengan fonologi dialek Pantai Timur, seperti dialek Terengganu dan dialek Kelantan.

1. Pengenalan

Dialek Hulu Perak Utara (DHPU) merupakan salah satu dialek yang dikategorikan di dalam dialek Patani (Asmah, 2015; Ismail, 1973; Harun, 1963). Dialek Patani ini dituturkan oleh majoriti masyarakat Melayu di Selatan Thailand, terutamanya di wilayah Yala, Patani dan Narathiwat. Manakala DHPU ini dituturkan oleh masyarakat di daerah Hulu Perak, iaitu daerah terbesar di negeri Perak. Secara ringkasnya Hulu Perak asalnya adalah sebahagian daripada negeri Reman dalam wilayah Pattani pada suatu ketika dahulu. Orang-orang Melayu Patani merupakan golongan yang terawal mendiami dan membuka hutan di Hulu Sungai Perak. Kini, Hulu Perak terdiri tiga buah daerah, iaitu Lenggong, Gerik dan Pengkalan Hulu. Fokus titik kajian adalah merangkumi daerah Gerik dan Pengkalan Hulu. Kawasan ini menjadi tumpuan pengkaji kerana daripada sorotan kajian lepas mendapati bahawa dialek Patani di Hulu Perak memiliki lebih daripada 5 varian. Buktinya seperti kajian Nuwairi (2004), Nur Habibah (2014), Tajul Arippin dan Tarmiji Misron (2014), Nor Hashimah (2015), Siti Noraini, Nor Hashimah, dan Zaharani (2017) serta Siti Noraini dan Nor Hashimah (2018).

Walau bagaimanapun, kajian-kajian ini hanya memaparkan kepelbagaian varian yang wujud di Hulu Perak, tanpa memperincikan kepada klasifikasi varian. Oleh itu, kajian ini akan memaparkan kepelbagaian varian HPU menggunakan teori generatif linear dan seterusnya melakukan klasifikasi atau pengelompokan varian HPU berdasarkan perkongsian ciri fonologi yang wujud. Klasifikasi varian yang dilakukan di HPU hanya meliputi kawasan Gerik dan Pengkalan Hulu, iaitu kawasan perkampungan yang sangat hampir dengan sempadan Betong, Thailand. Klasifikasi varian ini dilakukan adalah untuk memudahkan kajian seterusnya, iaitu dalam usaha mencari dialek purba HPU melalui kaedah rekonstruksi varian HPU. Selain daripada itu, relevannya kajian ini dijalankan adalah sebagai salah satu usaha untuk memelihara kelompok varian yang telah dipengaruhi percampuran bahasa standard, terutama dalam kalangan penutur generasi baru

1.1. Pernyataan Masalah

Dialek Melayu yang dituturkan di kawasan Hulu Perak Utara (HPU) memperlihatkan keunikan linguistik yang signifikan, khususnya dari segi fonologi dan leksikal. Kedudukan geografi HPU yang bersempadan dengan Selatan Thailand, wilayah yang menuturkan dialek Melayu Patani menjadikannya sebagai zon linguistik yang berpotensi memperlihatkan ciri-ciri variasi antara dialek yang kompleks dan berlapis-lapis. Beberapa kajian telah mengenal pasti kewujudan pelbagai varian dalam kalangan penutur dialek HPU, namun pengelompokan dan penentuan hubungan antara varian tersebut masih belum dilaksanakan secara sistematik berasaskan kerangka analisis formal.

Meskipun terdapat penyelidikan terdahulu yang memperincikan variasi bunyi dan ciri-ciri geolinguistik di kawasan ini, kebanyakan pendekatan yang digunakan lebih bersifat deskriptif atau berdasarkan pemerhatian umum terhadap perbezaan leksikal dan fonetik. Kajian yang menerapkan kerangka teori fonologi generatif, khususnya dalam bentuk rumus fonologi linear yang membolehkan analisis sistematik terhadap proses perubahan bunyi masih belum diaplikasikan secara menyeluruh dalam konteks dialek HPU.

Tambahan pula, ketiadaan klasifikasi fonologi yang menyeluruh terhadap sembilan varian yang telah dikenal pasti di HPU menyebabkan kekangan dalam mengenal pasti pola hubungan dan tahap kedekatan antara varian. Hal ini juga menjejaskan usaha rekonstruksi sejarah linguistik varian dialek ini, yang penting dalam memahami kesinambungan dengan bahasa induk serta kesan interaksi silang budaya dan linguistik di kawasan sempadan.

Sehubungan itu, kajian ini dirancang untuk mengisi keperluan tersebut dengan membina satu kerangka klasifikasi varian berdasarkan persamaan dan perbezaan proses fonologi menggunakan teori fonologi generatif linear. Melalui pendekatan ini, diharapkan dapat dibentuk satu peta fonologi yang lebih terstruktur untuk dialek HPU, sekali gus memberikan sumbangan bermakna dalam dokumentasi, pemeliharaan, dan pengembangan kajian linguistik sejarawi dan dialektologi di Malaysia.

1.2. Objektif Kajian

Objektif kajian ini merangkumi:

- i. Mengenal pasti persamaan dan perbezaan proses fonologi dalam varian dialek Hulu Perak Utara (dialek Reman)
- ii. Mengklasifikasikan varian dialek Hulu Perak Utara (dialek Reman) kepada beberapa kelompok yang berkongsi ciri fonologi yang sama.

2. Sorotan Literatur

Kajian berkaitan variasi dan klasifikasi dialek Melayu telah mendapat perhatian yang berterusan dalam disiplin linguistik di Malaysia. Dalam konteks dialek negeri Perak, sejumlah penyelidikan terdahulu telah menyorot aspek geolinguistik dan variasi dialek yang wujud. [Harun \(1983\)](#) misalnya, memperkenalkan sorotan awal terhadap dialek-dialek utama Perak, manakala [Asmah \(2015\)](#) menyenaraikan dialek Hulu Perak sebagai salah satu cabang dalam kelompok dialek Melayu Patani. Kajian oleh [Nuwairi \(2003\)](#) pula memberikan pemetaan awal terhadap taburan dialek di negeri Perak dari sudut dialektologi, dengan mengenal pasti pengaruh migrasi, sejarah sosial dan kedudukan geografi terhadap pembentukan variasi.

Namun begitu, sorotan terhadap dialek Hulu Perak Utara (HPU) secara khusus masih agak terbatas. Beberapa kajian yang lebih baharu seperti oleh [Nur Habibah \(2014\)](#), [Nor Hashimah \(2015\)](#), dan [Siti Noraini, Nor Hashimah, dan Zaharani \(2017\)](#) serta [Siti Noraini dan Nor Hashimah \(2018\)](#) telah membuktikan bahawa HPU memperlihatkan lebih daripada lima varian fonologi dan leksikal yang unik, sekaligus mengukuhkan keperluan kepada klasifikasi linguistik yang lebih mendalam terhadap varian tersebut. Namun demikian, kajian-kajian ini lebih cenderung kepada pendekatan pemerian (deskriptif) dan geolinguistik, tanpa menerapkan analisis formal seperti dalam kerangka fonologi generatif.

Fonologi generatif sebagai suatu pendekatan analisis telah memberikan sumbangan besar terhadap pemahaman sistem bunyi dalam bahasa-bahasa alam Melayu. Kajian oleh [Farid \(2021\)](#) merupakan antara sarjana terawal dalam menganalisis fonologi dan morfologi bahasa Melayu melalui pendekatan generatif, khususnya dalam menggambarkan interaksi antara struktur morfemik dan proses fonologi. [Zaharani \(1991; 1993; 2014\)](#) juga tokoh fonologi terkenal mengaplikasikan teori fonologi generatif seterusnya kepada autosegmental dan teori Optimaliti dalam menganalisis aspek fonologi dialek Perak dan bahasa Melayu Standard, manakala [Tajul Arippin \(2002\)](#) serta [Tajul Arippin dan Tarmiji Misron \(2014\)](#) secara langsung mengaplikasikan rumus fonologi dalam menganalisis struktur fonologi dialek di Lenggong, Gerik dan Batu Kurau yang mana sistem fonologinya termasuk dalam dialek Patani.

Walaupun pendekatan ini telah menunjukkan keberkesanan dalam menganalisis dialek-dialek Melayu yang lain, namun sehingga kini, aplikasi teori fonologi generatif linear secara sistematik terhadap klasifikasi varian dialek Hulu Perak Utara masih kurang diteroka. Hal ini membuktikan wujudnya jurang penyelidikan yang signifikan dalam aspek pengelompokan fonologi HPU menggunakan kaedah rumus formal. Justeru, kajian ini dirangka untuk menyumbang kepada keperluan tersebut dengan menerapkan pendekatan fonologi generatif secara menyeluruh dalam usaha mengklasifikasikan varian HPU berdasarkan proses fonologinya.

3. Metod Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang memperoleh data dari lapangan. Data diperoleh berdasarkan temu bual bersemuka dan pertanyaan secara langsung berlandaskan 508 daftar kata terhadap informan. Daftar kata yang disediakan adalah daripada kajian [Nur Habibah, Rahim Aman dan Shahidi \(2023\)](#) yang melibatkan sembilan bidang semantik, iaitu waktu, bilangan, alam persekitaran dan warna, alat kelengkapan rumah, istilah kekerabatan, kata ganti nama, anggota tubuh badan manusia, haiwan dan anggota tubuhnya, serta emosi dan perbuatan.

Daftar kata ini diajukan kepada sembilan orang informan (setiap seorang informan mewakili satu kampung) secara bersemuka dan dirakam menggunakan alat perakam, untuk mendapatkan data pengucapan sebenar dialek HPU. Data ini kemudiannya ditanskripsikan menggunakan simbol Abjad Fonetik Antarabangsa (AFA) atau *International Phonetic Alphabet (IPA)* supaya dapat dijelmakan semula sebutan sebenar dialek HPU tersebut dalam bentuk tulisan.

Dalam kajian ini, pengkaji lebih cenderung untuk melakukan pemilihan informan berdasarkan akronim NORF/M ([Chambers & Trudgill, 1990](#)). Akronim NORF/M tersebut diwakili *N-Nonmobile*, *O-Old*, *R-Rural* dan *F-Female/M-Male*. Selain NORM/F, informan tersebut haruslah mempunyai alat pertuturan yang lengkap dan tidak mempunyai pendidikan yang terlalu tinggi, agar tiada pengaruh bahasa atau dialek luar yang mempengaruhi pertuturannya. Pemilihan informan haruslah dilakukan dengan teliti, agar dapatan data yang diinginkan menepati objektif kajian, dan tidak menyalahi etika sebenar dalam pemerolehan bunyi data dialek yang asli. Oleh hal yang demikian, pengkaji melakukan pensampelan bola salji. Pemilihan informan akan melalui risikan seorang ketua kampung yang menetap di Pengkalan Hulu dan seorang lagi di Gerik. Risikan ini dilakukan terhadap ketua kampung dengan cara menceritakan syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh seorang informan seperti yang dinyatakan di atas. Maka, dalam kajian ini, pemilihan informan adalah berdasarkan maklumat daripada ketua-ketua kampung yang mengetahui latar belakang penduduk kampungnya secara mendalam. Pensampelan bola salji ini sesuai digunakan kerana informasi daripada ketua kampung dan penduduk setempat boleh dipercayai dan dapat menjimatkan masa pengkaji dalam mendapatkan data dialek.

Berkaitan lokasi tumpuan kajian pula, beberapa lokasi telah dipilih dalam kajian ini untuk meneliti setiap varian bagi dialek HPU. Terdapat dua kawasan besar di Hulu Perak dijadikan titik kawasan kajian. Pertama, Pengkalan Hulu, dan kedua ialah Gerik. Kampung yang terlibat dalam pemerolehan data ialah sebanyak sembilan buah kampung. Sembilan kawasan kampung yang dipilih ini adalah berdasarkan maklumat awal daripada informan (ketua kampung Perah dan Kuak Hulu) yang menyatakan kampung-kampung ini merealisasikan varian yang berbeza-beza antara satu sama lain. Kampung-kampung tersebut adalah:

- i. Kampung Kuak Hulu, Pengkalan Hulu (varian KHLU)
- ii. Kampung Selarong, Pengkalan Hulu (varian SLRG)
- iii. Kampung Air Panas, Pengkalan Hulu (varian APNS)
- iv. Kampung Simpang Pulai, Pengkalan Hulu (varian SPG PLAI)
- v. Kampung Perah, Gerik (varian PRH)
- vi. Kampung Padang Kunyit, Gerik (varian PDG KNYT)
- vii. Kampung Bongor, Gerik (varian BNGR)
- viii. Kampung Bersia Lama, Gerik (varian BSLM)

ix. Kampung Kerunai, Gerik (varian KRN)

Sungguhpun, terdapat banyak lagi perkampungan yang wujud di HPU ini, namun kesembilan kampung inilah menjadi pilihan pengkaji dalam pungutan data dialek. Jadi, berkemungkinan akan timbulnya persoalan: mengapa kampung ini dipilih dan pedoman apa yang berguna dalam pemilihan kawasan kajian ini?

Pedomannya, adalah dengan menerapkan dua prinsip yang disampaikan oleh [Collins \(1987\)](#) dalam kajian Dialek Sarawak beliau. Prinsip pertamanya, pemilihan kampung yang terlibat dalam kajian dilakukan berdasarkan pertimbangan geografis yang dianggap penting. Misalnya di HPU, pemilihan kawasan kajian didasari pertimbangan geografi kedudukan muka bumi daerah HPU itu sendiri, yang terpencil di pedalaman dan berbukit bukau. Misalnya, kawasan kampung yang agak terpencil atau di pedalaman mempunyai data dialek yang lebih asli. Malah kawasan perkampungan yang dipilih ini, sukar bertemu dengan penutur yang berasal dari kawasan lain; maka, asas perbandingan mudah diperolehi. Kedua, berpandukan maklumat rakyat setempat amat penting. [Collins \(1987\)](#) menyatakan "*Oleh sebab panduan dokumen sejarah tentang penghijrahan dan penyebaran orang Melayu di kawasan kajian agak kurang, pemilihan kampung yang dikunjungi berpandukan faktor geografi serta maklumat rakyat setempat amat penting.*" ([Collins, 1987:23-24](#)). Selain itu juga, [Collins \(1987\)](#) menerangkan maklumat penduduk kawasan itu juga amat penting. Oleh itu informan awal Tok Ketua Kampung Perah dipilih semasa tinjauan awal dilakukan di kawasan lapangan.

Analisis kajian berfokuskan persamaan dan perbezaan varian HPU menggunakan teori fonologi generatif linear oleh [Sanford \(1992\)](#), dengan memaparkan rumus fonologi dan penghuraian deskriptif terhadap proses fonologi yang berlaku. Proses fonologi dapat dikesan berdasarkan data varian dialek HPU yang telah ditranskripsi dan dibandingkan dengan bahasa Melayu standard. Setelah persamaan dan perbezaan diperolehi terhadap kesemua varian HPU, klasifikasi 9 varian ini dilakukan berdasarkan perkongsian ciri fonologi yang dikenal pasti.

4. Hasil Kajian

Bahagian ini membincangkan secara jelas persamaan dan perbezaan yang wujud dalam sembilan varian HPU berdasarkan pemaparan rumus fonologi. Pengisiannya adalah berkaitan perubahan fonologi yang berlaku pada vokal, diftong dan juga konsonan meliputi dialek HPU, iaitu yang terangkum dalam sembilan varian di Hulu Perak Utara.


4.1. Persamaan Fonologi dalam Sembilan Varian HPU

Persamaan fonologi dalam sembilan varian HPU terdiri daripada, vokal tinggi [i] dan [u] mengalami proses peninggian /^y/ dan /^w/ di akhir kata, perubahan bunyi konsonan obstruen [b, d, k, g] di akhir kata mengalami pengglotisan, pengguguran likuida di akhir kata, perubahan bunyi frikatif /s/ menjadi /h/, serta geminasi.

4.1.1. Vokal Tinggi /i/ dan /u/ Mengalami Proses Peninggian di Akhir Kata

Dalam dialek HPU, vokal depan tinggi /i/ di akhir kata mengalami proses peninggian /i^y/, manakala vokal belakang tinggi /u/ di akhir kata mengalami proses peninggian /u^w/. [Rajah 1](#) menunjukkan rumus fonologi bagi perkataan yang mengalami proses peninggian di akhir kata seperti dalam paparan [Jadual 1](#).

Rajah 1: Rumus peninggian vokal di akhir kata




Jadual 1: Peninggian vokal /i/ dan /u/ di akhir kata

BIL	BMS	Data HPU
1.	pipi	[pipiʲ]
2.	gigi	[gigiʲ]
3.	gali	[galiʲ]
4.	dagu	[daguʷ]
5.	kayu	[kajuʷ]
6.	bulu	[buluʷ]

4.1.2. Perubahan bunyi konsonan obstruen /b, d, k, g/ di akhir kata

Dalam dialek HPU, perkataan yang diakhiri oleh obstruen [b, d, k, g] akan berubah menjadi hentian glotis /ʔ/. Proses fonologi ini dikenali sebagai proses pengglotisan obstruen. Walau bagaimanapun, konsonan obstruen /p/ dan /t/ juga mengalami proses pengglotisan di akhir kata bagi majoriti varian HPU, namun tidak dalam dua varian KRN dan PDG KNYT. Ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut pada bahagian perbezaan nanti. [Rajah 2](#) menunjukkan rumus fonologi bagi perkataan yang mengalami proses pengglotisan obstruen di akhir kata seperti dalam paparan [Jadual 2](#).

Rajah 2: Rumus pengglotisan bunyi obstruen di akhir kata



Jadual 2: Pengglotisan obstruen di akhir kata

BIL	BMS	DATA VARIAN HPU
1.	ketiak	[kətiaʔ]~[tiʔ]~[kətiaʔ]
2.	minyak	[minjaʔ]~[mijaʔ]~[miʲaʔ]~[mʲjaʔ]
3.	lembab (kain)	[lə ^m baʔ]~[ləmbaʔ]
4.	menjawab	[b:dʒawaʔ]~[bədʒawaʔ]
5.	abad	[abaʔ]
6.	beg	[beʔ]

Daripada sembilan varian HPU, varian SLRG dan KHLU merealisasikan leksikal yang berlainan bagi kata ‘lembab (kain)’ iaitu masing-masing SLRG - [seh] dan KHLU - [sijeʔ], manakala bagi leksikal ‘menjawab’, varian SLRG dan KHLU merealisasikan sebagai [mulʔla].

4.1.3. Pengguguran konsonan likuida /l/ dan /r/ di akhir kata

Semua konsonan likuida /l/ dan /r/ akan mengalami proses pengguguran di akhir kata dalam dialek HPU. Selepas pengguguran berlaku, vokal yang hadir sebelumnya akan mengalami perendahan vokal, jika vokal tersebut adalah vokal tinggi /i/ dan /u/. [Rajah 3](#) menunjukkan rumus fonologi bagi perkataan yang mengalami proses pengguguran likuida /l/ dan /r/ di akhir kata seperti dalam paparan [Jadual 3](#).

Rajah 3: Rumus pengguguran likuida /l/ dan /r/ di akhir kata

$$\text{Rumus fonologi} \begin{pmatrix} l \\ r \end{pmatrix} \longrightarrow \emptyset / \begin{pmatrix} i \\ u \\ a \end{pmatrix} \text{ ______ \#}$$

Jadual 3: Pengguguran Likuida /l/ dan /r/ di akhir kata

BIL	BMS	DATA HPU
1.	pasir	[pase]~[pase]~[pasæ]
2.	katil	[katɛ]
3.	bendul	[bændo]~[bændu]~[be:dua]
4.	tidur	[tidɔ]
5.	penyakar	[tʃaka]~[ɲaka]~[tʃakai]
6.	bantal	[bata:]

4.1.4. Perubahan bunyi frikatif /s/ kepada /h/ di akhir kata

Konsonan frikatif /s/ di akhir kata tidak hadir dalam DHPU. Hal ini kerana konsonan tersebut ditempati oleh konsonan /h/. Maksudnya di sini, konsonan /s/ berubah kepada /h/ di akhir kata dalam semua varian HPU. Terdapat satu kes akhiran [-as] dan [-is] akan berubah kepada [aç] dan [iç] pada sebahagian varian. Ini akan dibincangkan lebih lanjut dalam bahagian perbezaan. [Rajah 4](#) menunjukkan rumus fonologi bagi perkataan yang mengalami proses perubahan bunyi frikatif /s/ kepada /h/ di akhir kata seperti dalam paparan [Jadual 4](#).

Rajah 4: Proses perubahan bunyi frikatif /s/ kepada /h/ di akhir kata

$$\text{Rumus fonologi: } /s/ \longrightarrow [h] / \text{ ______ \#}$$

Jadual 4: Perubahan bunyi frikatif /s/ kepada /h/ di akhir kata

BIL	BMS	DATA HPU
1.	putus	[putuh]
2.	tikus	[tikuh]~[tikoh]


(*Nota: Varian SPG PLAI dan KHLU merealisasikan leksikal 'putus' yang berlainan iaitu [keh].)

4.1.5. Kehadiran geminasi atau konsonan panjang dalam DHPU

Proses pemanjangan konsonan atau geminasi ini sangat kerap berlaku terhadap golongan kata yang mempunyai imbuhan dan kata ganda. Penyebaran konsonan

panjang berlaku pada semua varian HPU yang dikaji, namun berbeza kehadirannya pada kata bagi setiap varian-varian yang dikaji. Ringkasnya, penyebaran konsonan panjang berlaku secara sporadik (tidak tetap) dalam semua varian HPU. [Rajah 5](#) menunjukkan rumus fonologi bagi perkataan yang mengalami proses geminasi di awal kata seperti dalam paparan [Jadual 5](#).

Rajah 5: Proses Geminasi di awal kata



Jadual 5: Proses Geminasi di awal kata

BMS	DATA HPU	KONSONAN PANJANG	VARIAN
penyapu	[ɲ:apuh]	[ɲ:-]	PRH, SLRG, KRN dan BSLM
	[bate ɲ:apu]	[ɲ:-]	BNGR
	[pəɲapuh]	-	APNS, PDG KNYT dan SPG PLAI
	[napuh]	-	KHLU
labi-labi	[l:abiʷ]	[l:]	PRH, KRN, SLRG, PDG KNYT, BNGR, dan BSLM
di sini	[ləlabiʷ]		APNS, KHLI dan SPG PLAI
	[s:iniŋ]	[s:]	PRH, APNS, BSLM, KHLU, BNGR, PDG KNYT dan SPG PLAI
	[di siniŋ]	-	KRN
	[koʔniŋ]	-	BNGR

4.2. Perbezaan fonologi sembilan varian HPU

Setiap varian memiliki ciri sepunya yang memisahkannya dari varian yang lain. Perbezaan ini termasuklah realisasi unit bunyi, proses fonologi dan realisasi leksikal dalam perkataan yang sama. Perbincangan ini akan memfokuskan kepada lima ciri utama perbezaan fonologi yang berlaku pada varian HPU, ini termasuklah kelainan leksikal. Perbezaan tersebut adalah berkaitan konsonan nasal di akhir kata, konsonan frikatif /s/ pada suku kata akhir terbuka [-as] dan [-is], konsonan -ŋ- di akhir kata, diftongisasi lanjutan dan kelainan leksikal.

4.2.1. Konsonan nasal di akhir kata

Konsonan nasal /m, n, ŋ/ di akhir kata merupakan ciri perubahan yang paling menonjol dalam menentukan perbezaan di antara varian-varian HPU melalui proses-proses fonologi. Terutamanya jika konsonan nasal /m, n, ŋ/ di akhir kata ini didahului oleh vokal /a/ iaitu, [-am], [-an] dan [-aŋ]. Secara kasarnya, terdapat tiga proses fonologi yang mengelompokkan sembilan varian ini kepada tiga kelompok awal untuk dibezakan satu sama lain.

Namun, varian SLRG datanya dilihat sejajar dalam rumus yang dinyatakan ini. Sebagai contoh bagi data 'dahan' menjadi [dahɛŋ], 'tajam' menjadi [tadzɛŋ]. Sedangkan perubahan yang berlaku pada varian APNS dan BNGR bertukar ganti corak perubahannya. Situasi perubahan varian di APNS bertukar ganti dengan [-ɛŋ] dan [-ɛn] serta pada satu sisi akan [-ɛŋ]. Manakala varian di BNGR sering bertukar ganti dengan [-ɛŋ] dan [-ɛn] mahupun [-aŋ]. Walau bagaimanapun, ini merupakan pengelompokan awal, yang memperlihatkan kewujudan konsonan nasal tetap ada di akhir kata, walaupun konsonan nasalnya adalah berlainan. Terdapat ciri lain yang akan dibincangkan, mewajarkan ketiga-tiga varian ini disatukan dalam kelompok yang sama.

c) Varian KHLU, SPG PLAI dan PDG KNYT

Kelompok ketiga ini dicirikan oleh perubahan konsonan nasal /m, n, / di akhir kata berubah menjadi konsonan nasal /ŋ/ di akhir kata. Fokusnya juga pada kehadiran vokal /a/ sebelum konsonan nasal tersebut. Sebagai contoh bagi data 'tangan' menjadi [taŋaŋ], 'orang' menjadi [oŋaŋ]~[uŋaŋ] dan 'tajam' menjadi [tadzəŋ]. Secara umumnya, varian ini sangat mirip ciri linguistik amnya dengan dialek Ulu Terengganu, yakni akhiran konsonan-konsonan sengauan berubah menjadi [-ŋ]. Jika diamati perbezaannya dengan varian di kelompok (ii) (varian SLRG, APNS dan BNGR), bentuk vokal suku akhir, kadang-kadang [ɛ], dan kadang-kadang [e]. Keadaan ini tidak berlaku dalam varian KHLU, yakni vokal suku akhir yang mengikuti konsonan-konsonan sengauan adalah vokal tengah rendah /a/, yang dilihat kewujudannya secara konsisten. Rumus fonologi dalam [Rajah 8](#) dapat diperjelaskan dengan lebih lanjut.

Rajah 8: Rumus fonologi perubahan konsonan nasal /m, n, / di akhir kata berubah menjadi konsonan nasal /ŋ/ di akhir kata bagi varian KHLU, SPG PLAI dan PDG KNYT

Rumus fonologi nasal varian KHLU: [-am, -an] → [-aŋ] ___#

4.2.2. Perubahan konsonan frikatif /s/ pada suku kata akhir terbuka [-as] dan [-is]

Ciri perbezaan fonologi yang seterusnya ialah berkaitan perubahan konsonan frikatif /s/ yang juga melibatkan kehadiran vokal /a/ sebelum konsonan frikatif tersebut. Perbezaan fonologi ini melibatkan suku kata akhiran [-as] dan [-is] sahaja. Perubahan proses fonologi yang dimaksudkan adalah akhiran [-as] dalam bahasa Melayu akan berubah menjadi [-ah]/ [-eh]/ [ɛh] mengikut varian di HPU. Perubahan ini telah diterangkan dalam bahagian sebelumnya, iaitu konsonan frikatif /s/ di akhir kata akan berubah menjadi konsonan frikatif /h/ di akhir kata dalam dialek Hulu Perak Utara DHPU. Perbezaan ini sangat ketara antara varian-varian di HPU. Buktinya dapat dilihat dalam kata seperti 'panas'. Varian PRH, KRN, PDG KNYT merealisasikan sebagai [panah], iaitu tiada perubahan pada struktur dalaman manakala bagi varian SLRG, BNGR dan APNS, akan berubah menjadi [panəç]. Berbeza dengan KHLU, SPG PLAI [paneħ] dan BSLM pula [paneħ]. [Rajah 9](#), [Rajah 10](#) dan [Rajah 11](#) dapat menjelaskan perubahan bunyi frikatif bagi setiap varian dengan lebih lanjut

a) Varian SLRG, APNS dan BNGR

Sedia maklum persamaan antara varian-varian HPU, tiada konsonan /s/ yang akan menempati pada posisi akhir kata. Oleh itu, umumnya rumus fonologi bagi varian SLRG, APNS dan BNGR dapat diperjelaskan dalam [Rajah 9](#).

Rajah 9: Rumus perubahan frikatif bagi varian SLRG, APNS dan BNGR.

BMS kepada DHPU :	$/s/ \longrightarrow /h/ / V_ \#$
Rumus frikatif :	$/h/ \longrightarrow [ç] / \{a, i\} _ \#$

b) Varian KHLU dan SPG PLAI

Varian KHLU dan SPG PLAI pula masih kekal perubahannya sebagai /h/ di akhir kata. Namun vokal yang hadir sebelum konsonan frikatif ini akan mengalami proses penaikan atau peninggian vokal. [Rajah 10](#) menunjukkan rumus perubahan frikatif dalam varian KHLU dan SPG PLAI.

Rajah 10: Rumus perubahan frikatif varian KHLU dan SPG PLAI.

BMS kepada DHPU:	$/s/ \longrightarrow /h/ / V_ \#$
Rumus penaikan vokal:	$/a/ \longrightarrow /e/ _ _ K \#$

c) Varian BSLM

Seperti juga varian KHLU dan SPG PLAI, varian BSLM tidak mengalami perubahan frikatif peringkat dalaman. Namun, perubahannya adalah pada vokal yang hadir sebelum konsonan frikatif tersebut. [Rajah 11](#) adalah rumus fonologi perubahan vokal yang dipengaruhi oleh bunyi frikatif di akhir kata.

Rajah 11: Rumus penaikan vokal yang dipengaruhi bunyi frikatif akhir kata.

Rumus penaikan vokal:	$/a/ \longrightarrow /ε/ _ _ K \#$
	[+frikatif]

4.2.3. Perubahan konsonan geseran [-ɣ-] di tengah kata.

Secara keseluruhannya, konsonan geseran /-ɣ-/ di tengah kata ini hadir bagi kebanyakan varian HPU (PRH, SLRG, APNS, iaitu hasil daripada perubahan [-r-] dalam BMS. Namun bagi varian KRN dan PDG KNYT, kehadiran konsonan geseran /-ɣ-/ di tengah kata dalam data leksikal amat kurang, kerana kedua-dua varian ini lebih mengekalkan konsonan [r] di tengah kata. Ini merupakan ciri khas bagi kedua-dua varian ini. Sebagai contoh bagi data dalam [Jadual 6](#).

Jadual 6: Kehadiran [-r-] tengah kata bagi varian KRN dan PDG KNYT

BIL	BMS	DATA KRN DAN PDG KNYT
1.	darah	[darəh] ~ [darah]
2.	perut	[pərot]
3.	jarum	[jaruŋ]

4.2.4. Perubahan konsonan /p/ dan /t/ di akhir kata.

Perubahan konsonan /p/ dan /t/ di akhir kata adalah ciri fonologi khas dalam varian KRN dan PDG KNYT. Hal ini kerana, selain daripada dua varian tersebut, konsonan /p/ dan /t/ di akhir kata direalisasikan sebagai hentian glotis /ʔ/, seperti konsonan obstruen yang lain. Walau bagaimanapun, ada sesetengah perkataan merealisasikan /ʔ/ di akhir kata. Keadaan ini memungkinkan adanya pengaruh varian terdekat. [Jadual 7](#) menunjukkan pengekal konsonan /p/ dan /t/ di akhir kata bagi varian KRN dan PDG KNYT.

Jadual 7: Kehadiran /p/ dan /t/ akhir kata bagi varian KRN dan PDG KNYT

BIL	BMS	Data KRN dan PDG KNYT
1.	atap	[hatap]
2.	tiup	[tʃiup]
3.	hanyut	[haput]
4.	ubat	[ubat]

4.2.5. Kehadiran diftongisasi lanjutan

DHPUP tidak memiliki diftong, tetapi dikenali sebagai diftongisasi yang terhasil daripada proses monoftongisasi. Dalam DHPU, terdapat dua jenis diftongisasi, iaitu /i^y/ dan /u^w/ yang terhasil daripada geluncuran pada dua vokal tinggi ini di akhir kata. Manakala diftongisasi lanjutan yang dibincangkan ini terhasil apabila melibatkan penambahan segmen bunyi hentian atau geseran glotis setelah vokal tinggi. Diftongisasi lanjutan ini hanya berlaku dalam varian PRH, APNS dan BNGR sahaja, tidak bagi varian lain. Sebagai contoh 'rambut' [yambɔ^{wʔ}], 'pahit' [p^ha^{yʔ}], 'baik' [ba^{yʔ}] dan 'lutut' [lutɔ^{wʔ}].

4.2.6. Variasi leksikal

Selain daripada perubahan fonologi yang menjadi penyumbang kepada perbezaan antara varian-varian di HPU, variasi leksikal juga antara pemboleh ubah yang diukur dalam membezakan satu varian dengan varian yang lain. Secara keseluruhannya, semua sembilan varian memiliki leksikal yang unik antara satu sama lain. Namun, berdasarkan data di lapangan yang agak terhad, sukar untuk memperlihatkan kelainan leksikal ini dipaparkan secara jelas dan konsisten dalam setiap varian. Walau bagaimanapun, data leksikal dalam [Jadual 8](#) dapat memperjelaskan situasi yang dimaksudkan.

Jadual 8: Variasi leksikal dalam varian HPU

BMS	VARIASI LEKSIKAL	VARIAN HPU
kotor	[damuh] [bəloteŋ] [bələməh] [tʃəma]	PRH, SLRG, BSLM dan SPG PLAI KRN APNS KHLU

halkum	[tʃomoʔ]	PDG KNYT
	[balot ^h ej]	BNGR
	[k ^h eleko ^w]	PRH
	[bɔh k ^h eldi ^y]	KRN
	[wɔ geli ^y]	SLRG
	[ʔəkɔŋ]	APNS
	[k ^h olbi ^y]	KHLU
	[kələk ^h o ^w]	PDG KNYT
garang	[bɔh ʔoldi ^y]	BNGR
	[k ^h eldi ^y]	BSLM
	[k ^ɔ leko]	SPG PLAI
	[loka ^y ʔ]	PRH, SLRG
	[p ^ɔ ʔoh]	KRN
	[tʃəŋe]	APNS, BSLM dan BNGR
	[lokeʔ]	KHLU
	[gayɛ]	PDG KNYT
bohong	[payoh]	SPG PLAI
	[m ^ɔ lawɔʔ]	PRH
	[bahɔŋ]	KRN, SLRG, KHLU, PDG KNYT, BSLM, BNGR
kutu ayam	[bahau]	SPG PLAI
	[gutu ^w aja:]	PRH, BSLM
	[hama:]	KRN, KHLU
	[tʃəkələʔ]	SLRG
	[piyaç]	APNS
	[gutu ^w hajam]	PDG KNYT
timbang	[gutu ^w hajɛ]	SPG PLAI
	[yusin pəʔɔ ^w ʔ]	PRH
	[bimba]	KRN, PDG KNYT
	[goba]	SLRNG
	[bibɛŋ]	APNS
	[toʔt ^h u ʔah]	KHLU
	[bibɛ]	BNGR, BSLM
	[yiso]	SPG PLAI

5. Perbincangan

Kesimpulan daripada perbandingan yang telah dilakukan, ringkasnya masih terdapat perincian yang perlu diperhalusi berkaitan pemecahan sembilan varian HPU. Oleh itu, terdapat beberapa peringkat pengklasifikasian dilakukan untuk membuktikan bahawa kesemua varian yang diteliti berbeza satu sama lain. Pertindihan Ciri Fonologi Menjadikan sembilan varian yang Berbeza dalam Klasifikasi Tersendiri.

Peringkat pertama didasari oleh ciri paling utama, iaitu ciri perubahan konsonan sengauan di akhir kata. Ciri ini telah mengelompokkan sembilan varian HPU kepada tiga kelompok awal, iaitu kelompok pertama varian Perah (PRH), Bersia Lama (BSLM) dan Kerunai (KRN). Kelompok kedua ialah varian Selarong (SLRG), Air Panas (APNS) dan Bongor (BNGR) dan kelompok ketiga adalah varian Kuak Hulu (KHLU), Pdg Kunyit (PDG KNYT) dan Spg Pulai (SPG PLAI). Kemudian, pemecahan varian terus berlaku dan menjadikan DHPU diklasifikasikan kepada empat kelompok varian yang besar, iaitu varian KRN dan PDG KNYT dikeluarkan daripada kelompok awal, dan disatukan dalam kelompok keempat. Klasifikasi ini berlaku berdasarkan ciri khas yang dikongsi dalam varian KRN dan PDG KNYT, yang tiada dalam varian lain. Ciri tersebut adalah berkaitan kehadiran konsonan geseran [-r-] tengah kata dan dan akhirnya [-p] dan [-t].

Seterusnya, empat kelompok besar ini akhirnya berpecah dan menjadi sembilan varian yang berbeza di antara satu sama lain. Jika diteliti terdapat fenomena pertindihan inovasi di antara empat kelompok besar varian HPU. Kelompok pertama, varian Perah (PRH) dan Bersia Lama (BSLM) dipisahkan menjadi varian yang berasingan kerana, varian PRH memiliki ciri diftongisasi lanjutan yang bertindih dengan varian APNS dan BNGR. Seterusnya, varian PRH dianggap berbeza dengan BSLM juga kerana kehadiran konsonan koronal /l/ mempengaruhi vokal yang hadir sebelum konsonan sengauan di akhir kata. Sebagai contoh, data 'malam' dan 'berjalan' PRH [mala:] dan [b^ədʒala:], manakala BSLM [malɛ] dan [b^ədʒalɛ]. Di samping itu juga varian PRH memperlihatkan kewujudan rangkap konsonan yang hadir secara konsisten berbanding BSLM. Perbezaan leksikal yang unik di antara varian BSLM dan PRH juga menjadikan kedua-dua varian ini adalah sebagai varian yang berbeza.

Kelompok kedua pula terdiri daripada Selarong (SLRG), Air Panas (APNS) dan Bongor (BNGR), menjadi varian yang berbeza kerana memiliki beberapa ciri bunyi yang berbeza. Pertamanya varian APNS dan BNGR dipisahkan dari awal dalam varian SLRG kerana, varian SLRG memiliki ciri sepunya yang jelas, iaitu akhiran sengauan [-am, -an, -aŋ] berubah menjadi [-eŋ] secara konsisten berbanding BNGR dan APNS. Selain itu, ciri diftongisasi lanjutan yang ada pada varian BNGR dan APNS menjadi penyebab mengapa varian SLRG berdiri sendiri sebagai varian lain. Varian BNGR dan APNS akhirnya menjadi varian yang tersendiri kerana varian APNS memiliki rangkap konsonan di awal kata yang lebih teratur.

Kelompok ketiga yang dinaungi Kuak Hulu (KHLU) dan Simpang Pulai (SPG PLAI) juga menjadi dua varian yang berbeza antara satu sama lain apabila mempunyai beberapa ciri yang tidak sepunya. Pertamanya. Kedua-dua varian ini memiliki banyak leksikal-leksikal yang berbeza antara satu sama lain kata 'cakar' KHLU [tʃaka], SPG PLAI [kəyabeh], 'tersangkut' KHLU [ssakoʔ], SPG PLAI [ləkaʔ], 'botol air' KHLU [boto], SPG PLAI [dʒəbo], 'mangkuk tingkat' KHLU [siã], SPG PLAI [takeʔ susoŋ], 'bohong' KHLU [bahon], SPG PLAI [bahau] dan lain-lain leksikal lagi. Di samping itu, varian KHLU memiliki ciri sepunya yang jelas, iaitu akhiran sengauan [-am, -an, -aŋ] berubah menjadi [-aŋ] secara konsisten berbanding SPG PLAI yang kadang kala menggugurkan konsonan /-ŋ/ akhir kata dan berlaku perubahan vokal sebelumnya.

Kelompok terakhir, keempat varian Kerunai (KRN) dan Padang Kunyit (PDG KNYT). Secara umumnya, diantara kedua varian ini, varian PDG KNYT yang masih konsisten mempertahankan ciri khas kehadiran konsonan /p/ dan /t/ di akhir kata dalam data. Varian KRN memperlihatkan semakin mencair kerana ada data yang bertindih dengan hentian glotis di akhir kata. Varian KRN dan PDG KNYT berbeza antara satu sama lain kerana didasari pula pada ciri fonologi monoftong. Dalam varian KRN diftong /-aw/ berubah menjadi monoftong /-o/ manakala PDG KNYT menjadi monoftong /-a/. Sebagai contoh data 'pisau', KRN [piso] dan PDG KNYT [pisa]. Manakala diftong /-ay/ dalam varian KRN berubah kepada monoftong [-ɛ], varian PDG KNYT [-a], contoh data 'petai' KRN [pətɛ] dan PDG KNYT [pəta].

6. Kesimpulan

Keunikan dialek Patani di HPU yang memiliki pelbagai variasi telah menarik minat pelbagai pengkaji. Namun, kajian di HPU ini kurang diberikan penelitian yang mendalam. Maksudnya, kajian sebelum ini banyak yang memaparkan kepelbagaian varian di Hulu Perak, namun tidak diteruskan secara mendalam kepada pengelompokan

atau klasifikasi varian berdasarkan ciri perkongsian fonologi dengan memaparkan rumus fonologi. Oleh itu, kajian ini sedikit sebanyak telah berjaya mengklasifikasikan sembilan varian yang wujud, kepada empat kelompok besar di HPU. Di samping memperlihatkan kepelbagaian varian dan klasifikasinya. Semoga kajian ini akan memberi sumbangan kepada bidang linguistik lain dalam melakukan perincian dialek HPU.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Kajian ini merupakan sebahagian daripada tesis PHD 2021 penulis. Maka, penyelidik telah menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada responden yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan.

Rujukan

- Asmah Omar. (2015). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T. (1987). *Dialek Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chambers, J.K & Trudgill, P. (1990). *Dialektologi*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farid M. Onn. (2021). *Aspek Fonologi dan Morfologi Bahasa Melayu: Pendekatan Generatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. (1983). *Dialek Perak: Satu Tinjauan Ringkas*. *Kertas Kerja Bengkel Kepimpinan & Pengajian Kebudayaan*. Jabatan Kebudayaan Belia & Sukan Negeri Perak (pp. 20-23). Ipoh, Perak.
- Ismail Hussein. (1973). *Malay Dialects in Peninsular*. *Nusantara*, 3, 63-79.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). *Penyebaran Dialek Patani di Perak: Analisis Geolinguistik*. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8(2), 310-330.
- Nur Habibah Che Rosdi. (2014). *Dialektologi Geografi Hulu Perak Utara: Perbandingan Fonologi dan Leksikal*. Tesis Ijazah Sarjana. Jabatan Pengajian Melayu, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Nur Habibah Che Rosdi, Rahim Aman & Shahidi A.Hamid. (2023). *Dialek Hulu Perak Utara: Pendekatan Linguistik Bandingan*. Bangi: Penerbit UKM Press.
- Nuwairi. (2003). Dialek: Taburannya di Negeri Perak daripada Perspektif Dialektologi. *Jurnal Pengajian Melayu*, 13, 88-99.
- Sanford, A. S. (1992). *Fonologi Generatif*. Zaharani Ahmad & Nor Hashimah Jalaluddin, (Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Noraini Hamzah, Nor Hashimah Jalaluddin, & Zaharani Ahmad. (2017). Migrasi Masyarakat Luar dan Pengaruh dialek di Perak: Analisis Geolinguistik. *Jurnal Bahasa*, 17(1), 1-34.
- Siti Noraini Hamzah & Nor Hashimah. (2018). Kepelbagaian Varian Leksikal Dialek di Perak: Pendekatan Geographical Information System. *AKADEMIKA*, 8(1), 137-152.
- Tajul Arippin Khasin. (2002). Penasalan Vokal dalam Bahasa Melayu Standard dan Dialek Patani Gerik: Satu Huraian Perbandingan. *Jurnal Bahasa*, 2(3), 374-395.
- Tajul Arippin Khasin & Tarmiji Misron. (2014). Persamaan dan Perbezaan Fonologi Dialek Melayu Patani Gerik, Lenggong, Batu Kurau. Dlm. Noriah Mohamed (pnyt.), *Pendekatan Kontrasif dan Komparatif Bahasa-bahasa di Malaysia*. hlm. 37-58 Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Zaharani Ahmad. (1991). *The Phonology and Morphology of Perak Dialect*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaharani Ahmad. (1993). *Fonologi Generatif: Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur. Dewan bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad. (2014). *Daripada Derivasi Rumus Kepada Tatatingkat Kekangan*. Kuala Lumpur. Dewan bahasa dan Pustaka.